





## BAB 3 SUMBANGAN PERADABAN ISLAM KEPADA PERADABAN DUNIA I

Maruwiah Ahmat
IDA 152 – ISLAM DAN PERADABAN




## PENDAHULUAN

FAEDAH PEMBELAJARAN

- Memaparkan sumbangan keintelektualan Islam kepada peradaban dunia.
- Menghuraikan sumbangan peradaban Islam dalam aspek kemasyarakatan.

KANDUNGAN

- 3.1 Keintelektualan**
- 3.2 Kemasyarakatan
- 3.3 Perubatan
- 3.4 Sains dan teknologi
- 3.5 Perkembangan peradaban Islam semasa



## 3.1 KEINTELEKTUALAN

Tamadun Islam pada dasarnya mempunyai banyak pencapaian iaitu tidak hanya terbatas kepada pencapaian jasmani tetapi juga dari segi rohani.

Tamadun Islam yang bersifat universal telah memberi sumbangan besar terhadap peradaban di dunia Timur dan Barat sehingga mendorong kemunculan:

Zaman Renaissance di Barat

Suatu zaman baharu di rantau Alam Melayu



## 3.1 KEINTELEKTUALAN

□ **Menuntut Ilmu**

▣ **FALSAFAH dan PEMIKIRAN**




Melalui falsafah dan pemikiran, tamadun Islam telah berjaya menghilangkan pemikiran manusia yang kolot terutamanya pada zaman kegelapan.



Dalam aspek ini, konsep pendidikan, keintelektualan dan penerokaan ilmu diutamakan.



Konsep pendidikan dalam tamadun Islam sama seperti tamadun lain namun matlamat berbeza.



## 3.1 KEINTELEKTUALAN

**Tamadun Islam telah mengajar manusia menuntut ilmu**

- ▣ Ayat al-Quran yang pertama diturunkan menggesa umat Islam menuntut ilmu.
- ▣ Nabi Muhammad mengenakan **kaffarah** – ‘mengajar’ kepada tawanan perang.
- ▣ Hadis Nabi Muhammad: “Tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri China.”
- ▣ Ayat Al-Quran: *Dan apabila dikatakan: “Berdirilah kamu.” maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang yang beriman di antaramu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat....”* (Surah al-Mujadalah: 11).



## 3.1 KEINTELEKTUALAN

**Pendidikan zaman awal Islam**

Pada zaman awal Islam, pendidikan agama disampaikan di rumah perseorangan.

**Rumah Nabi Muhammad**

Tempat belajar akidah dan syariat Islam

Nabi Muhammad guru pertama

**Rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam**

Tempat belajar dasar-dasar Islam dan Al-Quran

Darul Al-Arqam menjadi sekolah pertama



### 3.1 KEINTELEKTUALAN



**masjid**

Tamadun Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhamad di Madinah juga telah mengambil langkah untuk mendirikan **masjid** sebagai pusat pendidikan.



**kutab**

Perkembangan Institusi pendidikan pada zaman-zaman berikutnya menyaksikan kewujudan institusi pendidikan Islam seperti **kutab** (zaman **Saidina Umar**), masjid dan institusi pengajian tinggi (madrasah/kolej).



**madrasah**

Sehingga kini, penubuhan pusat pendidikan yang berunsurkan keagamaan ini masih berterusan dan diguna pakai – sistem madrasah, pondok, pengajian di masjid dan surau.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

Pendidikan ini terus diperjuangkan oleh beberapa orang khalifah. Contohnya, pada zaman Khalifah Umar Al-Khattab (634-644M), beliau telah mengadakan **takwim Islam** berdasarkan tahun hijrah.

Takwin ini bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran negara dan memudahkan urusan dalam aspek pendidikan yang membabitkan penggunaan tarikh.

Zaman Saidina Ali – perkembangan **sains dan matematik** telah berlaku.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

- Pada **Zaman Bani Umayyah**, bidang pendidikan lebih maju dalam membuka pemikiran manusia ke arah falsafah dan pemikiran Islam.
- Guru-guru yang profesional telah ditambah mengikut tahap pendidikan.
- Mata pelajaran yang diajar juga bertambah iaitu ilmu fikah, tauhid, tafsir al-Quran dan Hadis, matematik, sejarah, sastera, ilmu perubatan, kesenian dan falsafah.
- Ilmu dalam menulis juga dipertingkatkan untuk memahami al-Quran.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

Selain daripada pendidikan melalui buku dan sekolah, **penerokaan** atau **penjelajahan** juga turut menyumbang kepada ilmu pengetahuan untuk mengubah falsafah dan pemikiran manusia.

Ia juga membantu manusia mengambil pengetahuan melalui tamadun sebelumnya dan pemerhatian Islam.

Penerokaan itu termasuklah ilmu astronomi, geografi dan perubatan.

Sumbangan tamadun Islam pada ketika itu bukan sahaja diguna pakai pada zaman tersebut tetapi sebenarnya masih berterusan sehingga kini.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

□ **ILMU PENGETAHUAN** merupakan asas kekuatan sesuatu tamadun begitu juga dengan tamadun Islam.

□ Keilmuan dalam tamadun Islam boleh dipecahkan kepada dua:

**Ilmu agama (metafizik)**

Bersumberkan wahyu Allah iaitu Al-Quran dan Sunnah

Contoh: ilmu muamalah (ekonomi), ijtimaiyah (sosial), siyasah, ibadah dan tauhid (ketuhanan)

**Ilmu dunia (fizik)**

Menggunakan akal manusia

Contoh: matematik, falsafah, sejarah, geografi, sains teknologi, astronomi dsb.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



Islam tidak pernah memisahkan di antara kedua-dua ilmu ini sebaliknya mengintegrasikan atau menyepadukan kedua-dua jenis ilmu tersebut dalam satu wadah sebagai ilmu-ilmu Islam.




Sebagai contoh sarjana-sarjana pada zaman kegemilangan Islam kebanyakannya menguasai ilmu agama di samping ilmu-ilmu dunia.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



- Orang Islam giat mengkaji **ilmu falsafah Greek**.
- Antara intelektual Islam yang giat mengkaji falsafah Greek ialah **al-Kindi** (sekitar 800-870 M) yang mahir dalam teori Plato dan **al-Farabi** (870-950 M) yang menguasai teori Aristotle.
- Ilmu yang dikaji oleh cendekiawan Islam kemudiannya diselarikan dengan ajaran Islam yang dianuti.
- Orang Eropah kemudian menggunakan versi orang Islam untuk kegunaan mereka.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN




#### Mengkaji Falsafah Greek

- Manuskrip Saljuk (sebuah kerajaan dari Turki) dari abad ke-13 yang menggambarkan Socrates berbincang dengan murid-muridnya.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



Ahli Falsafah Islam dicontohi oleh orang Eropah:



### 3.1 KEINTELEKTUALAN




- Ibn Tufayl (Abubacer Aben Tofail) (1105–1185 M)**
- Kryanya **Hayy Ibn Yaqzan** yang mengungkapkan bahawa manusia boleh mengenal Tuhan tanpa wahyu dan guru telah mempengaruhi pemikiran orang Eropah.
- Karya ini telah diterjemahkan ke bahasa Latin oleh **Roger Bacon** dan diterbitkan bersama-sama teks Arab di Oxford pada tahun 1671, diterjemahkan ke bahasa Eropah yang lain.
- Orang Eropah juga menghayatinya melalui penciptaan kisah-kisah berdasarkan idea yang dikemukakan dalam buku tersebut. Antara kisah tersebut ialah buku **Robinson Crusoe** yang dihasilkan pada abad ke 18M.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN




- Ibn Tufayl - Hayy Ibn Yaqzan**
- Ibn Tufayl cuba merangka satu sistem falsafah berdasarkan perkembangan pemikiran yang ada pada diri manusia. Beliau berusaha mengungkap persoalan serta hubungan antara manusia, akal, dan Tuhan.



<http://www.youtube.com/watch?v=OrwdzX76kLY>

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



- Al-Kindi (801-873 M)**
- Beliau merupakan pakar dalam muzik, falsafah, astronomi, perubatan, geografi, dan matematik.
- merangka penulisan Aristotelian dan (terutama) Plato baru (neo Plato).
- memperkenalkan dan mempopularkan falsafah Yunani dalam kalangan cendekiawan Muslim.
- ahli farmakologi pertama untuk menentukan dan menggunakan dos ubat yang betul.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



19

#### Falsafah al-Kindi

- Beliau menyumbangkan sepenuh tenaganya untuk menyatukan antara falsafah Yunani dan Islam. Bolehlah dikatakan sesungguhnya beliau telah mencorak falsafah yang berbagai-bagai dengan corak Islam.
- Beliau seorang yang cukup cintakan falsafah tetapi kuat berpegang dengan agama Islam.
- merupakan antara yang pertama menyatukan antara wahyu dan akal juga membezakan pemikiran golongan awam dan ulama.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



#### Ibn Rushd (Averroes) (1126-1198 M)

- Idea falsafah Ibn Rushd telah mempengaruhi ahli falsafah Eropah sejak abad ke-12M lagi.
- Pada abad ke-16M, falsafah Ibn Rushd, telah diamalkan secara rasmi oleh golongan terpelajar di Itali.
- Dengan pengajian falsafah ini, perubahan sikap orang Eropah terhadap kehidupan di dunia.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN




21

- Bagi Barat, kehidupan di dunia bukan lagi sesuatu yang dibenci lantaran ia merosakkan, tetapi sesuatu yang mesti diisi dengan aktiviti kehidupan yang bermakna.
- Perubahan sikap ini akhirnya melahirkan satu gerakan intelektual yang dikenali sebagai fahaman **Humanisme** pada abad ke-13 M.
- Humanisme ialah falsafah dan perspektif etika yang menekankan nilai dan peranan manusia, individu dan masyarakat yang berdasarkan akal manusia semata-mata dengan bukti dan eksperimen.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



22



#### Abu Raihan Al-Biruni (Alberonius)

(973 - 1048 M) merupakan seorang ahli matematik, astronomi, ahli fizik, cendekiawan, penulis ensiklopedia, ahli falsafah, ahli astrologi, pengembara, pakar sejarah, ahli farmasi dan guru yang banyak menyumbang kepada bidang matematik, falsafah, perubatan dan sains dari Parsi.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN




23

- Pemikiran falsafahnya tidak semata-mata bersandarkan kepada imaginasi dan permainan logik tetapi berdasarkan kepada kajian yang dilakukannya secara empirikal.
- Beliau telah menulis beberapa buah buku yang mempunyai hubungan dengan masyarakat India dan kebudayaan Hindu.
- Beliau menyatakan bahawa ajaran Hindu berasaskan konsep penjelmaan yang mempunyai persamaan dengan syahadah Tauhid dalam Islam dan trinititi dalam agama Kristian.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



24



#### Al-Farabi (Alpharabius) (870-950 M)

- Memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang FALSAFAH, perubatan, sains, matematik, dan sejarah.
- Beliau merupakan seorang ilmuwan yang cukup terkenal pada zamannya. Dia berkemampuan menguasai pelbagai bahasa.
- Selain itu, dia juga merupakan seorang pemuzik yang handal. Lagu yang dihasilkan meninggalkan kesan secara langsung kepada pendengarnya. Selain mempunyai kemampuan untuk bermain muzik, beliau juga telah mencipta satu jenis alat muzik yang dikenali sebagai gambus.



<http://www.youtube.com/watch?v=t5MEQ6lbiHg>

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



25

- **Perkembangan Institusi Ilmu**
  - **BAITUL HIKMAH**
  - Ditubuhkan oleh Harun Rashid pada 813 M.
  - Baitul Hikmah merupakan perpustakaan agung yang dibina sebagai tempat rujukan, bacaan, penyelidikan dan penterjemahan karya-karya asing ke dalam bahasa Arab.
  - Menjadi tempat penyimpanan buku-buku, pengumpulan buku, perpustakaan, pusat akademik dan balai penterjemahan.
  - Ia juga merupakan lambang pendidikan yang terpenting
  - Baitul Hikmah berkembang maju di bawah pemerintahan al-Makmun, al-Muktasim dan al-Wathiq.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



26



- **BAITUL HIKMAH** menjadi pusat pertemuan ilmu-ilmu pengetahuan dari Barat (Yunani) dan dari Timur (India, Parsi dan China) yang selanjutnya dikembangkan oleh para cendekiawan Islam menjadi pelbagai ilmu pengetahuan, seperti matematik, falsafah, astronomi, kedokteran, fizik bahkan juga metafizik.
- Di tempat ini, buku-buku dari Barat dan Timur dikaji, didiskusikan, dianalisis, diterjemahkan dan dan kemudian ditulis semula.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



27

- **PERPUSTAKAAN AL-HAKAM II – 961 M**
  - Perpustakaan pertama dan terbaik di Andalus ialah perpustakaan Diraja Cordova yang dibina pada zaman pemerintahan Abd al-Rahman II dan diteruskan kegemilangannya hingga zaman Abd al-Rahman III dan al-Hakam II.
  - al-Hakam turut menubuhkan 3 buah perpustakaan lain untuk kegunaan khalifah dan puteri-puteri mereka.
  - Dilaporkan bahawa di perpustakaan milik al-Hakam II sahaja mempunyai bilangan buku sebanyak 600,000 ribu buah dan diiktiraf sebagai perpustakaan yang mempunyai buku yang paling banyak ketika itu.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



28

- **Perpustakaan al-Hakam II**
  - Katalog buku-buku perpustakaan itu sendiri adalah 44 jilid panjang.
  - Keutamaan kepada Hakam adalah sejarah, dan beliau sendiri menulis sejarah al-Andalus. Kegiatan penterjemahan telah dilakukan secara besar-besaran. Banyak buku-buku yang berbahasa Latin dan Greek telah diterjemahkan kepada bahasa Arab. Al-Hakam II telah membentuk jawatankuasa bersama yang dianggotai oleh Arab Muslim dan Kristian Mozarab Iberia untuk melakukan tugas ini.



### 3.1 KEINTELEKTUALAN



29

- **MADRASAH NIZAMIYAH – 1097 M**
  - Ditubuhkan oleh Nizam al-Mulk - seorang perdana menteri Dinasti Saljuk pada masa pemerintahan Sultan Alp Arslan dan Sultan Maliksyah.
  - Madrasah Nizamiyah merupakan contoh awal dari perguruan tinggi yang menyediakan kemudahan belajar yang cukup bagi para penuntut ilmu.
  - Antara ulama yang mengajar di Madrasah Nizamiyah adalah Syekh Abu Ishaq asy-Syirazi, Syekh Abu Nasr bin as-Sabbagh dan Syekh Abu Mansur bin Yusuf bin Abdul Malik.
  - Cawangan Nizamiyah kemudian juga didirikan di hampir kota di Iraq dan Khurasan.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



30



Perpustakaan separuh awam pula dimiliki oleh para khalifah dan hanya boleh digunakan oleh golongan yang mempunyai kedudukan dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan intelektual.



Selain itu, contoh perpustakaan persendirian pula ialah perpustakaan **Hunayn b. Ishaq** di Baghdad yang memuatkan karya-karya dalam bidang perubatan.



Beliau yang sering bermusafir mencari buku-buku berkaitan sering membawa pulang buku yang banyak.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

- ❑ **KHIZANAT SABUR (DAR AL-'ILM)**
  - ❑ Perpustakaan Abu Nasr Sabur bin Ardasyir (Perdana Menteri Bani Buwaih) didirikan tahun 991 M di Baghdad. Beliau adalah perdana menteri kerajaan Buwaih.
  - ❑ Terdapat 100 naskhah Al-Quran yang ditulis oleh Banu Muqlah dan sebanyak 10,400 jilid buku yang ditulis tangan disimpan di sini.
  - ❑ Perpustakaan ini pernah menjadi pusat orang terkenal dan ulama-ulama untuk mereka berbahas dan berdebat.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

- ❑ Perpustakaan awam turut dibina di seluruh wilayah di Andalus.
- ❑ Di Cordova sahaja terdapat **70 buah perpustakaan** yang boleh digunakan oleh masyarakat awam yang mempunyai koleksi buku pelbagai bidang.
- ❑ Antara perpustakaan lain yang terdapat di Andalus ialah:
  1. Perpustakaan diraja kerajaan Bani Abbad di Seville
  2. Perpustakaan peribadi Abu Ja'far ibn al-Abbas (wazir kepada pemerintah Almeria).
  3. Perpustakaan al-Muzaffar ibn al-Aftas
  4. Perpustakaan Bani Dhu al-Nun di Toledo
  5. Perpustakaan Bani Hud di Saragossa

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

- ❑ **Institusi Pendidikan – Perubatan**
- ❑ **INSTITUSI BIMARISTAN**
  - ❑ Khalifah Abdul Malik b. Marwan merupakan individu pertama yang menubuhkan al-Bimaristan @ Maristan untuk orang sakit dan buta di Damsyik pada tahun 88H/707M dengan biaya Baitulmal.
  - ❑ Usaha pembinaan Bimaristan diperluaskan pada zaman pemerintahan Abbasiyah di mana di Kota Baghdad sahaja terdapat lebih 60 buah bimaristan didirikan untuk memberikan khidmat perubatan kepada masyarakat awam.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN




Peranan hospital tidak tertumpu kepada rawatan penyakit sahaja, malah turut berfungsi sebagai fakulti atau pusat pengajian ilmu perubatan.

Pembinaan hospital berkembang dalam jumlah yang banyak pada abad ke-4 dan ke-5 H terutamanya di kota Baghdad, Katerah, Cordova, dan Damsyik.

Hospital terawal yang diketahui mempunyai kelas pengajian perubatan ialah **Bimaristan al-Rayy**.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

**Bimaristan yang terkenal**



```

    graph TD
      A[Bimaristan al-Nuri] --- B[Bimaristan al-Rayy]
      B --- C[Bimaristan al-Adudi]
      C --- D[Bimaristan al-Mansur]
      D --- A
    
```

### 3.1 KEINTELEKTUALAN

- ❑ **Bimaristan Al-'Adudi**
  - ❑ Terletak di tebing Sungai Dajlah dan bangunan asalnya merupakan tapak kepada hospital yang diasaskan oleh Bajkam al-Turki tetapi tidak sempat disiapkan berikutan kematiannya pada tahun 941 M.
  - ❑ Siap pada tahun 979 M. Pada tahun 982 M, hospital ini telah dibuka secara rasmi oleh 'Adud al-Dawlah dengan mendapat biaya tetap sebanyak 100,000 dinar setahun.
  - ❑ Turut berfungsi sebagai fakulti perubatan dengan 24 orang doktor pada peringkat awal penubuhannya.



### 3.1 KEINTELEKTUALAN



- Antara bidang kepakaran yang diajar ialah **fisiologi, oftalmologi (rawatan mata), dan surgery (pembedahan)**.
- Dua orang tokoh perubatan terkenal, iaitu Ali bin Ibrahim bin Bakhtishu dan Ibrahim bin Baks merupakan tenaga pengajar yang pertama berkhidmat di hospital ini.
- Pengajian perubatan biasanya dikendalikan oleh ketua doktor misalnya Amin al-Dawlah bin al-Tilmidh (m. 560 H) dan Sa'id bin Athradi (m. abad 6 H).

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



#### □ Bimaristan al-Nuri

- Terletak di Damsyik dan siap dibina pada tahun 1146 M oleh **Nur al-Din al-Zinki**, pemerintah Damsyik pada ketika itu.
- Dilengkapi dengan bekalan makanan dan ubat-ubatan yang secukupnya.
- Seorang tokoh perubatan yang bernama Abu al-Majd bin Abu al-Hakam al-Bahili dilantik sebagai pengetuanya yang pertama.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



39

#### □ Bimaristan al-Mansur

- Paling terkenal dan penting kepada pendidikan perubatan di Kaherah, Mesir pada abad ke-7 H.
- Dikenali juga sebagai **Dar al-Shifa'** dan **Bimaristan Qalawun**.
- Dibuka untuk semua golongan tanpa mengira kedudukan, jantina dan peringkat umur.
- Turut menerima biaya sepenuhnya daripada Sultan Mansur sebanyak 1 juta dirham setahun.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



#### Jabatan

- Empat buah dewan disediakan untuk pesakit wanita, pesakit yang mengalami luka, pesakit cirit-birit, dan pesakit yang dijangkiti penyakit mata.

#### Kemudahan

- Selain daripada kemudahan sebuah perpustakaan perubatan dan bilik kuliah.

#### Lain-lain

- Jururawat, saliran air ke seluruh bahagian hospital, dapur, dan farmasi.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



- Para pesakit dibenarkan pergi menunaikan solat berjamaah di sebuah masjid yang terletak berhampiran.
- Terdapat juga para pembaca al-Quran dan guru ilmu syariah yang ditugaskan di masjid ini.
- Mengekalkan kecemerlangannya sehingga empat dekad selepas pembinaannya.
- Keadaan hospital yang begitu mengagumkan ini dicatatkan oleh Ibn Batutah (m. 1377) yang pernah melawatnya dan memuji keberkesanan pentadbirannya yang didokong oleh peruntukan yang mencukupi untuk menampung segala keperluan dan perbelanjaannya.

### 3.1 KEINTELEKTUALAN



42

#### □ Kesimpulan

- Ilmu adalah sangat penting dalam kehidupan seharian manusia
- Oleh itu wahyu pertama Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad s.a.w menyeru umat Islam atau manusia membaca.
- Pencapaian kebendaan memanglah sangat penting selaras dengan era globalisasi yang dilalui pada masa kini. Namun demikian, semakin maju manusia melalui kebendaan, hati mereka akan berada di sana. Oleh itu akan banyak hal yang buruk terjadi sekiranya ia tidak diseimbangkan dengan kerohanian.
- Kemantapan kerohanian dalam diri seseorang individu amat penting agar keamanan dunia sejangat dapat dipertahankan.

## Aktiviti pemahaman



43

□ Berikan maksud bagi perkataan-perkataan di bawah:

- |                   |                  |
|-------------------|------------------|
| 1. Averroes       | 8. kuttab        |
| 2. Alberonius     | 9. al-shifa'     |
| 3. Alfarabius     | 10. Mozarab      |
| 4. Renaissance    | 11. Dar al-Arqam |
| 5. Humanisme      | 12. kaffarah     |
| 6. Ilmu metafizik | 13. siasah       |
| 7. Bimaristan     | 14. ijtimaiyah   |